



(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

Apa yang Nabi Ajarkan pada Persidangan Umum April 2022

Pada persidangan umum April 2022, Nabi Presiden [Russell M. Nelson](#) menggesa pengisytiharan kedamaian dalam Yesus Kristus melalui pekerjaan misionari, mencadangkan cara untuk mengekalkan momentum rohani positif, menjemput orang untuk mengampuni seseorang menjelang Hari Easter dan mengumumkan pembinaan 17 buah bait suci baharu.

Konflik dan Injil Kedamaian

Dalam ucapannya pada pagi Hari Ahad, pemimpin Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir itu berkongsi kasihnya untuk negara dan rakyat di Eropah Timur. Dia meminta para Orang Suci di mana pun untuk terus berpuasa dan berdoa untuk mangsa-mangsa konflik itu.

“Saya telah melawat Ukraine dan Rusia banyak kali. Saya suka negara, rakyat dan bahasa mereka. Saya menangis dan berdoa kepada semua yang terjejas oleh konflik ini,” Gereja sedang lakukan segala yang kita boleh untuk bantu mereka yang menderita dan berjuang untuk hidup. Kami jemput setiap orang untuk terus berpuasa dan berdoa bagi semua orang yang terjejas oleh malapetaka ini.”

Pada pagi Hari Sabtu, Presiden Nelson berkata pesanan Yesus Kristus adalah kunci kedamaian.

“Pertikaian melawan segala yang Juruselamat membela dan telah ajar. Saya kasihi Tuhan Yesus Kristus dan bersaksi *hanya* injil-Nya adalah penyelesaian berkekalan demi kedamaian. Injil-Nya adalah injil kedamaian.”

Konflik, kata nabi, adalah peringatan tentang keperluan mengkhutbahkan injil Kristus.

“Hari ini saya menegaskan lagi bahawa Tuhan telah meminta setiap lelaki muda yang layak dan sihat untuk bersedia dan melayani misi,” katanya. “Bagi lelaki muda Orang Suci Zaman Akhir, pelayanan misi adalah tanggungjawab imamat. Anda, lelaki muda telah disimpan bagi masa ini

ketika pengumpulan bani israel yang dijanjikan sedang berlangsung. Apabila anda melayani misi, anda berperanan penting dalam tujuan yang tidak pernah berlaku itu!”

Presiden Nelson memberitahu wanita muda bahawa misi sangat berkuasa — meskipun tidak wajib — [adalah] peluang untuk mereka.

“Kami *suka* misionari saudara dan menyambut mereka dengan hati yang penuh,” kata nabi. “Sumbangan anda kepada pekerjaan ini menakjubkan! Berdoa untuk tahu jika Tuhan mahu anda melayani misi, Roh Kudus akan jawab dalam hati dan minda.”

Lima Cara untuk Mengekalkan Momentum Rohani Positif

Pada pagi Hari Ahad, nabi menggariskan lima cara Orang Suci Zaman Akhir boleh mengekalkan momentum rohani yang positif:

1. Pergilah ke jalan perjanjian dan kekal di sana
2. Temui kebahagiaan dalam pertaubatan harian.
3. Belajar tentang Tuhan dan bagaimana Dia bekerja.
4. Cari dan harapkan mukjizat.
5. Akhirkkan konflik dalam hidup anda.



Kunci terakhir teramat penting untuk mangsa-mangsa perang.

“Sebarang peperangan adalah pelanggaran yang menggerunkan terhadap segala yang Tuhan Yesus Kristus membela dan ajar,” kata Presiden Nelson “Juruselamat memerintahkan kita untuk memaling pipi yang lain untuk mengasihi musuh kita dan berdoa bagi mereka yang menganiaya kita. Ia mungkin susah untuk melepas kemarahan yang berasa sungguh berpatutan. Ia mungkin nampak mustahil untuk mengampuni mereka yang bertindak jahat terhadap orang yang tidak bersalah. Namun, [Juruselamat menegur kita](#) untuk ‘mengampuni semua orang.’”

Nabi mengajar, kita tidak boleh mengawal perbuatan orang lain — tetapi kita boleh mengawal perbuatan sendiri secara individu.

“Seruan saya hari ini, saudara dan saudara yang dikasihi, adalah untuk mengakhiri konflik yang meradang dalam hati anda, rumah anda dan kehidupan anda,” kata Presiden Nelson. “Lupakan sebarang perasaan untuk melukai orang lain—jika perasaan itu marah, lancang mulut atau rasa geram terhadap orang yang menyakiti anda. ... Kita adalah pengikut Putera Kedamaian. Kini lebih daripada sebelumnya, kita perlukan kedamaian yang hanya Dia boleh berikan. Bagaimanakah kita boleh harapkan kedamaian untuk wujud dalam dunia apabila, kita tidak cari kedamaian dan harmoni secara peribadi?”

Beliau menambah, “Jika keampunan kelihatan mustahil, rayulah untuk kuasa melalui darah penebusan Yesus Kristus untuk bantu anda. Apabila anda berbuat demikian, saya janjikan kedamaian peribadi dan satu cetusan momentum rohani.”

Tujuh Belas Bait Suci Baharu

Dalam ucapan penutupan petang Hari Ahad, Presiden Nelson mengumumkan rancangan untuk membina 17 buah bait suci baharu di seluruh dunia. [Baca lebih lanjut tentang setiap lokasi bait suci](#). Beliau telah mengumumkan 100 bait suci baharu sejak menjadi pemimpin Gereja pada 2018.

“Momentum rohani positif meningkat apabila kita beribadah di bait suci dan menambah kefahaman berkat yang diterima secara menyeluruh,” kata presiden. “Saya mohon kepada anda untuk melawan amalan duniawi dengan tumpuan kepada berkat abadi bait suci. Masa anda di sana membawa berkat buat selamanya.”